

## RESEARCH ARTICLE

# HUBUNGAN MAQASID SYARIAH, USUL FIQH & QAWAED FIQHIYYAH DALAM PENETAPAN HUKUM FEKAH SEMASA: ANALISIS BEBERAPA PANDANGAN HUKUM DAN FATWA TERPILIH DALAM ISU-ISU HALAL

## (The Relationship of Maqasid Shariah, Usul Fiqh & Qawaed Fiqhiyyah in the Determination of Contemporary Islamic Law: Analysis on Selected Islamic Rulings and Fatwa in Halal Issues)

Ismail Hasanuddin, Tuan Sidek T. M.\*

Center for Human Sciences, Universiti Malaysia Pahang al-Sultan Abdullah, 26600 Pahang, Malaysia

**ABSTRACT** - *Usul Fiqh, Qawaed Fiqhiyyah and Maqasid Shariah are three branches of knowledge which are usually associated with the process in determining a certain Islamic ruling. In relation to that, this paper is presented to discuss roles of these three branches and their relationship in the determination of contemporary Islamic rulings. There are similarities and differences among those three and often in term of application, misunderstandings arose. There is also a view that views opinions in the Syafie school are quite strict and need to be evaluated from the point of view of achieving maqasid shariah. Therefore, a relationship analysis was made on Islamic rulings in Malaysia in halal issues to see the extent to which the relationship of the three branches is implemented. This study was conducted qualitatively. Data were collected and analyzed using the document analysis approach. The study found that these three branches have a close relationship particularly on Islamic rulings in halal issues in Malaysia. In fact, they complement each other. Every issued Islamic ruling must be in accordance with the principles and methods that have been outlined in those three branches. From the study, it is also noted that earlier jurists have established a well-organized methodology as a guide in the process of determination of certain Islamic law.*

**ABSTRAK** - Tiga cabang ilmu yang biasa dihubungkan dengan penetapan hukum-hukum fekah ialah ilmu Usul Fiqh, Qawaed Fiqhiyyah dan Maqasid Syariah. Tulisan ini dikemukakan bagi membincangkan hubungan antara ketiga-tiga ilmu tersebut dalam penetapan hukum fekah semasa. Terdapat persamaan dan perbezaan antara ketiga-tiganya dalam penetapan hukum fekah. Terdapat juga salah faham dalam aplikasi ketiga-tiganya. Di samping itu, terdapat juga kata-kata yang menyebut pendapat dalam mazhab Syafie agak ketat dan perlu dinilai kembali dari sudut pencapaian maqasid syariah. Sehubungan dengan itu, analisis hubungan juga dibuat terhadap pandangan hukum semasa di Malaysia dalam isu-isu halal untuk melihat aplikasi hubungan antara ketiga-tiga cabang ilmu ini. Kajian ini dijalankan secara kualitatif. Data-data dikumpul dan dianalisis menggunakan pendekatan analisis dokumen. Kajian mendapati bahawa ketiga-tiga disiplin ilmu ini mempunyai hubungan yang rapat antara satu sama lain serta saling melengkapi dalam penetapan hukum fekah termasuk dalam penetapan pandangan hukum dalam isu-isu halal semasa. Setiap hukum fekah yang dikeluarkan perlu selaras dengan prinsip dan kaedah yang telah digariskan oleh ketiga-tiga ilmu terbabit. Kaedah yang digunakan oleh ahli-ahli fekah terdahulu telah meninggalkan suatu tradisi yang tersusun dan kukuh sebagai panduan dalam proses pengeluaran hukum.

### ARTICLE HISTORY

Received : 04<sup>th</sup> March 2024  
 Revised : 13<sup>th</sup> July 2024  
 Accepted : 09<sup>th</sup> Sept. 2024  
 Published : 29<sup>th</sup> Nov. 2024

### KEYWORDS

Maqasid Shariah  
 Relationship  
 Usul Fiqh  
 Determination  
 Islamic Law

### KATA KUNCI

Maqasid shariah  
 Hubungan  
 Usul Fiqh  
 Penentuan  
 Hukum Feqah

## PENDAHULUAN

Hukum syarak terbahagi kepada dua; (i) hukum tidak berubah dan kekal (*al-Thawabit*), dan (ii) hukum boleh berubah (*al-Mutaghayyirat*). *Al-thawabit* ialah perkara rukun, asas, dan prinsip agama bersifat kekal hingga ke hari akhirat seperti kewajipan rukun Islam yang lima. Manakala *al-mutaghayyirat* ialah cabang hukum yang boleh berubah mengikut keadaan suasana dan zaman (Saadan, 2017). Hukum boleh berubah tertakluk kepada realiti semasa yang biasanya merujuk kepada konsep *maslahah* (kebaikan), *mafsadah* (keburukan), adat, dan perubahan masa dan tempat. Perubahan yang diraikan bertujuan menjaga kemaslahatan hidup manusia selaras dengan objektif pensyariatan. Komponen *al-mutaghayyirat* terdiri daripada hukum-hukum yang bersifat *ijtihadi* dalam pelbagai bidang fekah yang ditetapkan berpandukan kepada kaedah-kaedah tertentu daripada ilmu-ilmu Maqasid Syariah, Usul Fiqh dan Qawaed Fiqhiyyah.

\*CORRESPONDING AUTHOR | Tuan Sidek T.M |  sidek@umpsa.edu.my

© 2024 The Author(s). Published by Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah Publishing. This is an open access article under the CC BY-NC 4.0 International license

Ilmu Maqasid Syariah digunakan dalam proses pengeluaran hukum-hakam semasa bagi membawa pendekatan menyeluruh dalam menganalisis data-data berkenaan masalah tertentu untuk sampai kepada kesimpulan dalam menentukan dasar sesuatu hukum syarak (Mahmood Zuhdi, 2015) berpandukan pencapaian *maslahah* dan menolak *mafsadah*. Antara fokus perbincangannya ialah makna-makna atau hikmah yang menjadi matlamat dalam penetapan dan pensyariatan hukum syarak. Ilmu Usul Fiqh dan Qawaed Fiqhiyyah pula merupakan dua bidang ilmu *usul* dan *furu'* (cabang) yang menjadi teras pembentukan syariah Islamiyah (al-Qarafi, 2010). Kedua-dua disiplin ilmu ini saling melengkapi antara satu sama lain dalam proses penentuan hukum syarak. Secara asasnya, ilmu Usul Fiqh ialah metodologi penetapan hukum dan memahami nas-nas syarak, Qawaed Fiqhiyyah pula ialah kaedah-kaedah hukum yang terhasil daripada penelitian terhadap pelbagai hukum *juz'iyah*.

Justeru, ketiga-tiga bidang ilmu ini tidak dapat dipisahkan antara satu sama lain dalam proses pengeluaran hukum syarak. Walau bagaimanapun, terdapat kekeliruan antara ketiga-tiga cabang ilmu ini khususnya dalam aplikasi penetapan hukum syarak. Di samping itu, terdapat pandangan menyebut sebahagian pendapat fekah dalam mazhab Syafie yang diamalkan di Malaysia agak ketat dan perlu dinilai kembali dari sudut pencapaian maqasid syariah. Pendapat fekah tersebut termasuklah pendapat berkaitan dengan halal. Perkembangan teknologi maklumat dan globalisasi turut dipertimbangkan yang menyebabkan perbincangan pandangan pelbagai mazhab menjadi lebih meluas. Pendapat fekah pelbagai mazhab dan fatwa yang berbeza di pelbagai negara boleh dibaca dengan mudah. Terdapat perbincangan yang mengutarakan pendapat berbeza daripada fekah yang diamalkan di dalam negara dan mencadangkan pemakaian pendapat fekah mazhab lain seperti isu *istihalah* dan najis *mughallazah*. Antara hujah mereka ialah ia lebih menepati maqasid syariah dan pegangan dalam mazhab Syafie dilihat ketat dan sukar untuk diamalkan dalam konteks semasa. Contohnya ialah seperti buku yang bertajuk al-Mawad al-Muharramah wa al-Najasah fi al-Ghidha' wa al-Dawa' oleh Nazih Hammad. Pada muqaddimah buku, beliau telah menjelaskan metode perbincangan dan tarjih beliau iaitu antaranya berdasarkan maqsid syarak (Nazih, 2004). Kebanyakan pendapat fekah yang beliau tarjih juga bukan pendapat dalam mazhab Syafie. Sehubungan dengan itu, penulisan ini dikemukakan bagi menjelaskan hubungan antara ketiga-tiga cabang ilmu tersebut dan bagaimana ia diaplikasikan dengan didatangkan contoh aplikasi dalam penetapan pandangan hukum berkaitan halal.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah analisis dokumen iaitu analisis pelbagai penulisan, hasil kajian terdahulu, buku, majalah, makalah serta sebarang penerbitan ilmiah berkaitan skop kajian. Beberapa karya bidang usul fiqh seperti kitab Ilmu Usul al-Fiqh oleh Abd al-Wahab Khallaf dan kitab al-Wajiz fi Usul al-Fiqh tulisan Abd al-Karim Zaydan dirujuk. Berkaitan dengan maqasid syariah dan qawaed fiqhiyyah, beberapa karya utama dalam kedua-dua ilmu juga dirujuk. Antaranya ialah al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah oleh al-Shatibi, Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah karya Ibn 'Ashur, Nazariyyah al-Maqasid 'ind al-Imam al-Shatibi oleh al-Raysuni, Syarh al-Qawaed al-fiqhiyyah oleh al-Zarqa', al-Qawaed al-Fiqhiyyah oleh al-Nadwi dan Mausu'ah al-Qawaed al-Fiqhiyyah oleh al-Borno. Berbagai bahan berkaitan pandangan hukum halal juga dirujuk. Maklumat dan data yang diperolehi dianalisis dan dibuat perbandingan antara ketiga-tiga ilmu untuk menjelaskan persamaan, hubungan dan perbezaan serta aplikasi dalam penetapan pandangan hukum halal.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### *Konsep Maqasid Syariah, Usul Fiqh dan Qawaed Fiqhiyyah*

Ketiga-tiga cabang ilmu ini mempunyai definisi tersendiri. Maqasid syariah dari segi bahasa terdiri dari dua kalimah bahasa Arab; *maqasid* dan *shariah*. Perkataan *maqasid* merupakan kata jamak kepada perkataan *maqsid* yang diambil dari kata kerja *qasada*. Kalimah ini memberikan beberapa makna berbeza dari sudut bahasa antaranya ialah menuju kepada sesuatu tujuan, jalan yang lurus, kesederhanaan, objektif atau tujuan (al-Farahidi, 2010). Dari sudut istilah, pelbagai definisi maqasid syariah diberikan oleh pelbagai tokoh pengkaji ilmu ini. Antaranya ialah hikmah-hikmah, *masalih* (kebaikan) dan manfaat-manfaat (Ibn 'Ashur, 2011), tujuan-tujuan yang didatangkan syariah untuk mendatangkan kemaslahatan hamba (al-Raysuni, 2011) dan *maslahah* syariah, tujuan-tujuan dan tanda-tandanya yang bertujuan untuk memperelok kemanusiaan dan kebahagiaannya pada kehidupan mereka dunia dan akhirat (al-Khadimi, 2003). Terdapat pelbagai lagi definisi yang diberikan oleh pelbagai tokoh lain tetapi secara umum, maksudnya sama iaitu berkisar tentang tujuan pensyariatan untuk memelihara kebaikan (*maslahah*) dan menolak kemudaratan (*mafsadah*) kepada individu dan masyarakat, dunia dan akhirat.

Ajaran Islam yang syumul merangkumi semua aspek kehidupan manusia merentasi kehidupan peribadi, keluarga dan masyarakat. Matlamat Allah menetapkan prinsip-prinsip, panduan dan hukum-hukum (maqasid syariah) ialah agar manusia mendapat kebaikan (*maslahah*) dalam kehidupan mereka dunia dan akhirat. Menurut al-Shatibi (2011), syariat Islam ialah satu rahmat dan tujuan utamanya adalah untuk mendatangkan kebaikan (*maslahah*) dan menolak kemudaratan (*mafsadah*) dunia dan akhirat. Maqasid syariah memberi penekanan kepada natijah akhir atau matlamat sesuatu tindakan tanpa mengabaikan kaedah atau cara yang diambil untuk sampai kepada matlamat. Dengan kata lain, penekanannya dalam penetapan hukum syarak ialah penghasilan kebaikan (*maslahah*) dan penolakan kemudaratan melalui kaedah yang baik dan betul. Kebaikan dan keburukan diukur dengan panduan wahyu, akal dan kajian empirikal. Kebaikan yang ingin diperoleh dan dijaga hendaklah bersifat inklusif, holistik dan hakiki. Begitu juga keburukan yang hendak jauhi.

Hukum fiqh yang berkaitan dengan tindakan dan aktiviti manusia tidak terkeluar daripada lima kategori iaitu wajib, sunat, harus, makruh, dan haram. Dalam kerangka maqasid syariah, lima hukum berkenaan mewakili pelbagai kebaikan (*maslahah*) yang perlu dicapai dan kemudaratannya (*mafsadah*) yang perlu ditolak. Wajib, sunat, dan harus mengandungi *maslahah*. Makruh dan haram mengandungi *mafsadah*. Semakin besar kebaikan yang hendak dicapai, semakin besar pula tuntutan melakukannya dan sebaliknya semakin besar kemudaratannya, semakin besar pula tegahannya (Tuan Sidek, 2021). Ilmu Usul Fiqh terbina daripada dua perkataan iaitu *usul* dan *fiqh*. *Usul* ialah kata jamak bagi perkataan *asl* yang bermaksud asal, pangkal atau umbi (al-Marbawi, 1998). Manakala *fiqh* pula merujuk kepada ilmu yang berkaitan dengan hukum-hakam yang bersifat amali, yang *diistinbat* daripada dalil-dalil yang terperinci (*tafsili*). Secara istilah Usul Fiqh yang digabung pula bererti suatu bidang ilmu yang berkaitan dengan kaedah-kaedah atau metodologi untuk mengetahui dan memahami hukum syarak yang amali berdasarkan dalil-dalil yang terperinci (Khalaf, 1986).

Qawaed Fiqhiyyah atau dalam bahasa Melayu disebut kaedah fiqh ialah satu istilah yang terdiri daripada dua perkataan iaitu *qawaed* dan *fiqhiyyah*. *Qawaed* dari sudut bahasa bermaksud asas dalam sesuatu perkara. Perkataan *qawaed* juga digunakan dalam ilmu nahu Bahasa Arab yang merujuk kepada suatu kaedah yang terpakai merangkumi semua pekara terperinci di bawahnya. Dari sudut istilah, ilmu Qawaed Fiqhiyyah didefinisikan sebagai kaedah-kaedah hukum yang kebanyakannya bersifat merangkumi ke atas bahagian-bahagian atau cabang-cabangnya (al-Zarqa, 2001). Qawaed fiqhiyyah ini juga dapat difahami sebagai kaedah dalam bentuk yang pendek dan ringkas dengan pernyataan yang membayang sesuatu maksud atau tujuan menggunakan perkataan yang mudah. Kandungannya juga adalah untuk memastikan agar objektif atau tujuan syariah iaitu mendatangkan kebaikan dan menolak kemudaratannya dapat dicapai. Secara asas, qawaed fiqhiyyah bukanlah satu sumber dalam penetapan hukum syarak. Walau bagaimanapun, ia memainkan peranan dalam membantu dalam memudahkan proses penetapan hukum syarak.

### **Penentuan Hukum Fekah Semasa**

Istilah fekah secara literalnya bermaksud faham (al Marbawi, 1998). Menurut al-Nadwi (1998), kebiasaannya perkataan ini digunakan dalam ilmu agama yang menjadi asas dan tunjang bagi setiap ilmu. Istilah fekah semasa atau *al-fiqh al-mu`asir* pula merujuk kepada kefahaman dan penetapan hukum Islam dalam konteks semasa khususnya hukum-hakam terhadap isu-isu baharu yang memerlukan ijтиhad baharu dan tidak pernah disebut dalam mana-mana sumber syarak atau ijтиhad silam para *fugaha* (Saadan Man, 2017). Justeru, boleh dirumuskan bahawa fekah semasa merujuk kepada fekah yang berdasarkan realiti semasa berpaksikan kepada pertimbangan ijтиhad antara *maslahah* dan *mafsadah*. Oleh itu, seorang sarjana fekah dalam sesuatu ijтиhadnya terhadap sesuatu isu perlu memahami realiti yang ada dan memfokuskan perbahasan ijтиhadnya kepada pertimbangan antara *maslahah* dan *mafsadah*, berpandukan nas-nas syarak lalu meletakkannya bersesuaian dengan realiti semasa yang ada. Perkiraan *maslahah* dan *mafsadah* dalam penetapan hukum syarak telah dinyatakan oleh pelbagai ilmuwan silam dan semasa seperti al-Shatibi, Ibn al-Qayyim dan al-Qaradawi (Saadan Man, 2017). Antara prinsip-prinsip utama yang ditekankan dalam penentuan hukum fekah semasa termasuk;

- i) Mengambil kira uruf, budaya, persekitaran, iklim dan keperluan masyarakat dan mengikatnya dengan nilai lokaliti dan masa dalam proses penentuan hukum syarak.
- ii) Menggunakan instrumen ijтиhad secara praktikal berdasarkan kepada maqasid syariah supaya objektif syariat Islam iaitu mendatangkan *maslahah* kepada manusia dan menolak *mafsadah* pada kehidupan mereka dunia dan akhirat tidak diabaikan.

Prinsip-prinsip dinyatakan perlu melalui proses penetapan hukum yang jelas mengikut penkaedahan ilmu Usul Fiqh. Seterusnya diperincikan melalui perbincangan spesifik mengikut ilmu Maqasid Syariah dan Qawaed Fiqhiyyah yang bertepatan dengan konsep dikehendaki. Dalam proses mencari jawapan persoalan hukum syarak yang masih belum jelas hukumnya berkaitan dengan isu-isu semasa, ahli-ahli fekah merujuk nas al-Quran terlebih dahulu sebagaimana kaedah dalam ilmu Usul Fiqh. Sekiranya terdapat ayat yang menyentuh masalah tersebut, sama ada *diistinbat* secara nas atau perlu kepada ijтиhad dalam memahami ayat tersebut, maka hukum ditetap berdasarkan nas tersebut. Sekiranya tidak terdapat ayat al-Quran yang menyebut secara langsung maka ditinjau permasalahan tersebut daripada hadith-hadith, sama ada secara nas atau *istinbat*.

Dalam keadaan tidak terdapat dalil yang boleh dijadikan sandaran hukum setelah melalui peringkat-peringkat di atas, diteliti ijmak yang telah disepakati oleh para ulama jika ada. Sekiranya tidak juga didapati, maka hukum syarak hendaklah ditetapkan menggunakan pelbagai garis panduan dan kaedah yang telah digariskan dalam ilmu Usul Fiqh, Maqasid Syariah dan Qawaed fiqhiyyah.

### **Hubungan Ilmu Usul Fiqh, Maqasid Syariah dan Qawaed Fiqhiyyah Dalam Penentuan Hukum Semasa**

Usul Fiqh ialah metodologi asas dalam berinteraksi dengan dalil-dalil syarak bagi menentukan hukum-hakam Islam termasuklah hukum yang bersifat semasa dan setempat. Maqasid Syariah pula ialah tujuan dan hikmah yang terkandung di sebalik pensyiaratan sesuatu hukum tersebut yang menjadi matlamat disyariatkan hukum, manakala Qawaed Fiqhiyyah merupakan kaedah-kaedah yang dibangunkan hasil penelitian terhadap pelbagai himpunan hukum-hakam syarak yang bersifat *juziyah* (Nur Hasan, 2020).

Hubungan ketiga-tiga ini dapat digambarkan antaranya dalam penggunaan kaedah *qiyyas* iaitu mencari persamaan hukum di antara masalah baharu dengan masalah lama yang telah sedia ada ketika terdapat persamaan '*illah*'. Menurut al-Shatibi persamaan '*illah*' boleh diertikan dengan makna hikmah, atau mencari *maslahah* dan menolak *mafsadah*, bahkan

beliau menyatakan bahawa makna '*illah*' itu sendiri ialah hikmah (al-Shatibi, 1997). Justeru asas kepada ilmu Maqasid Syariah itu sendiri mempunyai hubungan yang rapat dengan salah satu tajuk perbincangan dalam ilmu Usul Fiqh. Di samping itu, perbincangan tentang *maslahah* dan *mafsadah* juga menjadi kunci kepada beberapa prinsip Qawaed Fiqhiyyah yang utama seperti prinsip menolak mudarat perlu diutamakan berbanding mendapatkan *maslahah* (Muhammad Sidqi, 2003), kemudaratan dihilangkan (*al-darar yuzal*) dan lain-lain. Oleh kerana itu, perbincangan mengenai ketiga-tiga ilmu ini sangat berkait rapat dalam proses penetapan hukum syarak khususnya dalam isu-isu kontemporari yang memerlukan penetapan hukum.

Secara lebih terperinci, hubungan antara ketiga-tiga prinsip ilmu ini disusun mengikut empat perspektif utama iaitu hubungan sejarah, objektif, kandungan dan kedudukan.


### 1) Hubungan Sejarah

Kaedah-kaedah yang terdapat dalam ilmu Usul Fiqh, Maqasid Syariah dan Qawaed Fiqhiyyah mula digagaskan secara praktikal selepas kewafatan baginda Nabi SAW. Hal ini kerana sudah tiada jawapan yang boleh didapati secara langsung daripada baginda SAW terhadap persoalan-persoalan semasa. Walaupun telah timbul keperluan kepada ijihad pada zaman sahabat, mereka belum merasakan perlu kepada kaedah-kaedah ijihad yang standard kerana mereka mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang mendalam dengan Bahasa Arab, bentuk-bentuk pendalilan lafaz, rahsia-rahsia pensyaritan dan hikmahnya serta pelbagai ilmu lain seperti ilmu berkaitan sebab-sebab turun ayat al-Quran dan sebab-sebab hadis diucapkan. Sehubungan dengan itu, masih belum ada keperluan untuk membangunkan kaedah-kaedah dalam berijihad ketika itu (Tuan Sidek, 2021).

Apabila wilayah Islam semakin meluas, muncul keadaan-keadaan baharu yang memerlukan kepada penetapan hukum. Percampuran antara orang Arab dan orang bukan Arab, kepelbagaiannya kaedah penetapan hukum, perdebatan yang semakin meluas serta timbulnya keraguan menyebabkan garis panduan dalam penetapan hukum syarak menjadi keperluan untuk dijadikan panduan dalam penetapan hukum. Dengan itu, ulama telah menyusun kaedah dan garis panduan yang diasaskan kepada penggunaan lafaz dan lengkok Bahasa Arab, pemahaman maqasid syariah dan rahsia-rahsianya, penjagaan *maslahah* dan manhaj pendalilan para sahabat. Hasil daripada susunan ini, lahirilah ilmu Usul Fiqh sebagai satu bidang ilmu yang tersendiri. Perbahasan khusus mengenai ilmu Usul Fiqh pertama kali dibukukan oleh Muhammad bin Idris al-Syafie. Beliau telah meletakkan satu kerangka atau garis panduan khusus bagi mendapatkan kaedah yang bersesuaian dalam penentuan sesuatu hukum. Kitab usul fiqh beliau 'al-Risalah' mengandungi perbahasan tentang hukum-hakam al-Quran, peranan al-Sunnah terhadap al-Quran, autoriti Ijmak dan Qiyyas, *al-Nasikh* dan *al-Mansukh*, perintah dan larangan (*al-Amr* dan *al-Nahyu*) dan lain-lain. (Zaydan, 2004).

Ilmu Maqasid Syariah pula melihat kepada objektif dalam penentuan hukum syarak melalui al-Quran dan al-Sunnah dan juga ijihad-ijihad para sahabat, tabi'in dan ulama selepas mereka. Sayyidina Abu Bakar contohnya menggunakan prinsip menolak *mafsadah* yang lebih besar ketika memerangi kumpulan yang tidak mahu membayar zakat dan juga ketika membuat ketetapan untuk pengumpulan al-Quran. Menurut Ibn al-Qayyim (2002), maqasid syariah menjadi teras kepada pendalilan dalil-dalil al-Quran, al-Sunnah, Ijmak, *Qiyyas*, *Istislah* dan *Sadd al-Dhara'i*. Perbincangan secara khusus tentang ilmu ini berlaku lebih lewat berbanding ilmu Usul Fiqh. Pada peringkat awal perkembangan, ia dibincang secara bersama dengan ilmu Usul Fiqh. Perbincangan tentangnya merupakan sebahagian daripada perbincangan ilmu Usul Fiqh. Ini bukanlah bermakna ulama-ulama terdahulu tidak mengambil berat tentang maqasid syariah tetapi disebabkan hubungan yang sangat rapat antara kedua-duanya menyebabkan ia dianggap sebagai satu bidang dengan ilmu Usul Fiqh (Tuan Sidek, 2021). Kitab pertama yang direkodkan berkaitan ilmu ini ialah mahasin al-shari'ah yang ditulis oleh al-Qaffal al-Shashi pada kurun ke-4 Hijrah.

Setelah muncul ulama yang melakukan ijihad berpandukan kaedah-kaedah sedia ada, timbul pula selepas itu mazhab-mazhab fekah yang bertaqlidkan imam-imam mujtahid seperti empat mazhab fekah (Hanafi, Maliki, Syafie, Hanbali). Selepas itu, muncul beberapa ulama fekah yang memperkenalkan kaedah-kaedah fiqh yang dirumuskan daripada pelbagai hukum *juziyah* supaya dapat mempermudahkan para pelajar menguasai hukum-hukum *furu'* (Sokon, 2020) di samping dapat membantu juga dalam proses penetapan hukum. Kitab pertama dalam ilmu Qawaed Fiqhiyyah direkodkan penulisannya pada kurun kelima Hijriyyah melalui tulisan Imam al-Dabusi (430M) dengan tajuk *Takhxis al-Nazhar*. Kitab ini menghimpunkan kaedah-kaedah fekah berasaskan mazhab Hanafi (Muhammad Sidqi, 2003). Rajah 1 di bawah menunjukkan masa perkembangan penulisan ketiga-tiga ilmu tersebut.



Rajah 1. Perkembangan penulisan ketiga-tiga ilmu

### 2) Objektif

Ilmu Usul Fiqh disusun dengan tujuan untuk menjadi metodologi yang mesti diikuti oleh ahli fekah dalam menetapkan sesuatu hukum (Ridzwan Ahmad, t.th.). Tanpa memahami metodologi usul fiqh yang betul, nas-nas syarak tidak dapat difahami dengan tepat atau berkemungkinan berlaku kesilapan dalam proses *istinbat* hukum. Dari sudut matlamat hukum,

hukum syarak yang ditetapkan mestilah selari dengan prinsip-prinsip maqasid syariah iaitu untuk mendatangkan kemaslahatan dalam menjagaan agama, nyawa, akal, harta dan keturunan. Matlamat daripada ilmu Maqasid Syariah ialah membantu ahli fekah untuk memahami dan menafsirkan tujuan nas syarak berdasarkan kesesuaian keadaan dan tempat bagi menjaga kemaslahatan dan menolak kemudarat. Ilmu Qawaed Fiqhiyyah pula bertujuan untuk mengumpulkan masalah-masalah fiqh di bawah satu kaedah atau tema tertentu (Muhammad Sidqi, 2003).


Terdapat pelbagai kaedah usul fiqh yang telah disusun. Contohnya ialah kaedah ‘perintah membawa hukum wajib’ (دَلَالَةُ الْأَمْرِ عَلَى الْوَجُوبِ). Ia diaplikasi dalam perintah kewajipan solat fardhu yang diasas kepada berpandukan penggunaan ayat perintah di dalam al-Quran. Kewajipan ini selari dengan objektif menjagaan agama yang menjadikan solat sebagai tiang dan rukun agama. Sudah tentu di sebalik perintah mendirikan solat itu mengandungi kemaslahatan kepada agama dan kehidupan manusia. Kaedah fiqh pula menyusun kaedah-kaedah yang menghimpunkan hukum-hakam berkaitan solat seperti kaedah sesuatu rukun yang mampu dibuat, tidak gugur kewajipannya jika rukun lain tidak mampu dibuat sebagaimana kaedah (إن المقدور عليه لا يسقط بسقوط المعجوز عنه) (Muhammad Sidqi, 2003) yang bermaksud sesuatu yang mampu dilakukan tidak gugur dengan gugurnya sesuatu yang tidak mampu dilakukan,

### 3) Kandungan

Ilmu Usul Fiqh mengandungi kaedah-kaedah pendalilan hukum daripada lafaz-lafaz nas syarak. Ilmu Maqasid Syariah pula berkisar tentang hikmah-hikmah, *maslahah* dan objektif pensyariatan hukum secara umum dan secara terperinci. Antara contoh hubungan antara kedua-dua cabang ilmu ini ialah kaedah usul fiqh menetapkan hukum asal mana-mana ayat berbentuk larangan ialah haram (دَلَالَةُ النَّهْيِ عَلَى التَّحْرِيْبِ) tanpa menyebut setiap hukum syarak secara khusus. Larangan yang ditetapkan tersebut mempunyai objektif khusus seperti larangan meminum arak, mengumpat, membunuh dan lain-lain adalah untuk menolak mudarat yang terbit daripada perlakuan perkara tersebut. Kaedah fiqh pula disusun untuk menyatakan persamaan hukum antara perkara-perkara yang termasuk di bawah larangan tersebut. Contohnya ialah kaedah fiqh ‘kemudarat mesti dihilangkan (الضرر يزال)’. Antara permasalahan semasa yang dibahaskan di bawah kaedah ini ialah hukum merokok, vape dan penggunaan dada. Penetapan fatwa pengharaman dada, vape dan merokok berdasarkan dalil-dalil dan kaedah dalam ilmu Usul Fiqh di samping melihat objektif pensyariatan yang digariskan dalam ilmu Maqasid Syariah iaitu mendatangkan kebaikan dan menolak kemudarat. Proses penetapan dipermudahkan dengan juga melihat kepada kaedah-kaedah fekah yang sedia ada.

### 4) Kedudukan

Dalam proses penetapan hukum syarak, panduan dan kaedah dalam ilmu Usul Fiqh merupakan kaedah utama yang perlu dirujuk. Ia juga lebih terperinci berbanding kaedah maqasid syariah (Khalid, 2015) atau kaedah fiqh. Ini kerana kaedah-kaedah dalam ilmu Usul Fiqh perlu diaplikasikan ke atas nas-nas syarak. Tanpa memahami kaedah perintah dan larangan, umum dan khusus, *zahir*, *nas* dan *muawwal* dan lain-lain, nas syarak tidak akan dapat difahami dengan betul. Penetapan *maslahah* yang menjadi matlamat dalam penetapan hukum syarak juga hendaklah dipandu dan diukur melalui oleh dalil-dalil dan kaedah-kaedah dalam ilmu Usul Fiqh di samping kaedah-kaedah yang terdapat dalam ilmu Maqasid Syariah. Kaedah-kaedah dalam ilmu Qawaed Fiqhiyyah yang disusun selepas pelbagai hukum syarak dikeluarkan (al-Nadwi, 1998) digunakan bagi membantu memudahkan proses penetapan hukum syarak dan mencapai matlamatnya penetapannya. Rajah 2 menjelaskan kedudukan dan hubungan ketiga-tiga ilmu tersebut dalam proses penetapan hukum syarak.



Rajah 2. Kedudukan dan hubungan Usul Fiqh, Maqasid Syariah dan Qawaed Fiqhiyyah dalam proses penetapan hukum syarak

### **Analisis Aplikasi Kaedah Usul Fiqh, Maqasid Syariah dan Qawaed Fiqhiyyah dalam Penetapan Pandangan Hukum Terpilih bagi Isu-isu Halal**

Fatwa yang dibincangkan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) dikenali sebagai Irsyad Hukum atau pandangan hukum. Asas penetapan Pandangan hukum di Malaysia termasuklah dalam isu-isu halal berdasarkan pandangan dalam Mazhab Syafie tanpa menafikan penggunaan pandapat dalam mazhab-mazhab lain sekiranya terdapat *maslahah* sebagaimana yang disebutkan dalam Perintah Perihal Dangangan (Takrif Halal) Pindaan 2012 sebagaimana berikut:

*“Hukum Syarak iaitu undang-undang Islam mengikut mazhab Syafie atau undang-undang Islam dalam mana-mana satu mazhab lain sama ada Hanafi, Maliki atau Hambali yang telah dipersetuju oleh Yang Di-Pertuan Agong untuk dikuatkuasakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putra Jaya, Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak atau oleh Raja bagi mana-mana negeri untuk dikuatkuasakan di negeri masing-masing”.*

Terdapat pelbagai pandangan hukum yang telah ditetapkan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan berkaitan isu-isu halal. Beberapa pandangan hukum yang dibincangkan dalam tulisan ini bertujuan menjelaskan hubungan antara ilmu Usul Fiqh, Maqasid Syariah dan Qawaed Fiqhiyyah dalam penetapan pandangan hukum dan aplikasi dalam penetapan hukum halal semasa. Jadual 1 di bawah ialah senarai beberapa pandangan hukum yang telah dipilih.

Jadual 1. Pandangan hukum yang terpilih dalam isu-isu halal semasa (kompilasi pandangan hukum, 2015)

Bil.	Hukum	Keterangan
1	Hukum Memakan Makanan Terubahsuai Genetik (Genetic Modified Food) / 2011	<p>Muzakarah mengambil perhatian bahawa makanan terubahsuai secara genetik melibatkan pemindahan gen-gen yang halal dan juga tidak halal, dari haiwan dan juga tanaman bagi memberikan ciri-ciri yang dikehendaki sebagai makanan atau ubat-ubatan.</p> <p>Muzakarah berpandangan Islam menghendaki umatnya supaya memilih makanan yang baik iaitu halal, suci dan tidak memberi mudarat kepada jiwa dan akal manusia dan proses penghasilannya juga tidak memberi mudarat kepada manusia dan alam sekitar.</p> <p>Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa dalam penghasilan makanan terubahsuai genetik, penggunaan bahan-bahan yang diharamkan dan memudarkan manusia serta alam sekitar adalah dilarang. Manakala penggunaan haiwan ternakan yang halal dibolehkan sekiranya haiwan tersebut disembelih mengikut kaedah syarak.</p>
2	Hukum stunning haiwan / 2005	<p>Kaedah <i>stunning</i> jenis <i>penetrative captive bolt</i> dan <i>non-penetrative captive bolt (mushroom head gun)</i> adalah haram dan tidak dibenarkan kerana ia boleh menyebabkan kematian haiwan.</p> <p>Hanya kaedah Kejutan Elektrik (Electrical Stunning) sahaja dibenarkan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:</p> <p><i>Stunner</i> yang digunakan adalah jenis kejutan di kepala sahaja (<i>head only stunner</i>).</p> <p>Kekuatan arus elektrik hendaklah dikawal (tidak boleh melebihi had yang ditetapkan) iaitu antara 0.75 ampere untuk kambing, 2.0 ampere untuk lembu dan tempoh masa aliran elektrik ialah antara 3-6 saat; dan perlu dikawal selia oleh petugas Muslim yang bertauliah.</p> <p>Kaedah <i>waterbath stunning</i> untuk ayam dan itik (<i>poultry</i>) adalah diharuskan dengan syarat:</p> <p>kekuatan arus elektrik dikawal supaya tidak mematikan haiwan dan; ia perlu dikawal selia oleh petugas muslim yang bertauliah.</p> <p>Penggunaan dadah dan karbon dioksida dalam prosedur sembelihan adalah diharuskan dengan syarat tidak menyeksa atau mematikan haiwan tersebut.</p>
3	Penggunaan <i>Pneumatic Percussive Stunning</i> Menurut Pandangan Islam / 2006	Penggunaan <i>pneumatic percussive stunning</i> dalam sembelihan lembu dan binatang halal seumpamanya adalah dibenarkan dengan syarat tengkorak haiwan sembelihan yang dikenakan <i>stunning</i> dalam keadaan tidak retak dan matinya adalah kerana sembelihan.
4	Hukum bahan pewarna <i>cochineal</i> / 2012	Muzakarah menegaskan bahawa jumur fuqaha sepakat menetapkan bahawa bangkai serangga yang darahnya tidak mengalir adalah suci, dan pewarna <i>cochineal</i> adalah diperoleh daripada serangga <i>cochineal</i> yang telah mati dari kategori binatang darahnya tidak mengalir.
		Berdasarkan ketetapan tersebut, Muzakarah bersetuju memutuskan penggunaan bahan pewarna <i>cochineal</i> dalam makanan, minuman dan barang gunaan adalah diharuskan dan kadar penggunaan yang dibenarkan adalah mengikut ketetapan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia selagi mana ia tidak mendatangkan kemudarat.
5	Penggunaan Vaksin Biothrax Dan Vaksin Rotateq Yang menggunakan Unsur Babi Dalam Proses Penghasilannya / 2008	<p>Penggunaan vaksin Biothrax dan Rotateq tidak dibenarkan kerana:</p> <p>Situasi kini dianggap tidak darurat;</p> <p>Terdapat bahan atau ubat alternatif selain penggunaan unsur babi dalam pemprosesan kedua-dua vaksin; dan tiada data sokongan yang kuat untuk membuktikan rakyat negara ini memerlukan kedua-dua vaksin ini.</p>

Jadual 1. (samb.)

Bil.	Hukum	Keterangan
6	Vaksin Human Papilloma Virus (HPV) / 2010	<p>Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:</p> <p>Setelah mendengar taklimat daripada pihak Biro Pengawalan Farmaceutikal Kebangsaan serta pandangan dan hujah-hujah yang dikemukakan, Muzakarah berpandangan bahawa Islam menggesa umatnya supaya menjaga kesihatan kerana penjagaan kesihatan seseorang individu akan menentukan tahap dan mutu kesihatan masyarakat secara umumnya. Pemberian vaksin merupakan jalan pencegahan awal yang diambil oleh pihak kerajaan dalam usaha mengelakkan penyebaran virus di kalangan wanita.</p> <p>Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa pengambilan Vaksin Human Papilloma (HPV) yang telah dipastikan tiada unsur meraguan dalam kandungannya dan tidak mendatangkan kemudharatan adalah diharuskan bagi mencegah penyakit kanser pangkal rahim (servik) di kalangan wanita.</p> <p>Muzakarah juga memutuskan bahawa pemvaksinan ini hendaklah tidak mengandungi unsur-unsur eksplorasi terhadap pengguna atau digunakan untuk tujuan yang bercanggah dengan syarak.</p>
7	Penggunaan Vaksin Meningitis Menveo / 2013	<p>Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:</p> <p><i>“Setelah mendengar taklimat dan penjelasan daripada Biro Pengawalan Farmaceutikal Kebangsaan (BPKF) dan meneliti keterangan, hujah serta pandangan yang dikemukakan, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa hukum penggunaan Vaksin Meningitis Menveo diharuskan.”</i></p>
8	Penggunaan Vaksin Menactra / 2015	<p>Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:</p> <p>Setelah meneliti fakta-fakta, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah menegaskan bahawa pada prinsipnya ulama bersepakat bahawa makanan termasuk ubat-ubatan yang dibenarkan oleh Islam untuk digunakan mestilah terdiri daripada bahan-bahan yang baik (toyyib) dan halal, serta tidak mempunyai unsur-unsur yang mendatangkan mudharat kepada kesihatan badan dan akal manusia.</p> <p>Muzakarah juga mendapati bahawa dalam proses penghasilan Vaksin Menactra ini, tiada sebarang komponen bahan mentah yang mengandungi sumber haiwan atau bahan-bahan yang diragui dari aspek syarak digunakan serta tiada perkongsian saluran pemprosesan dengan produk vaksin yang tidak halal.</p> <p>Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa hukum penggunaan Vaksin Menactra diharuskan.</p>
9	Penggunaan peralatan dan perhiasan berdasarkan abu tulang haiwan (China bone) / 2012	<p>Muzakarah telah:</p> <p>Menegaskan bahawa berdasarkan mazhab Syafie, sifat kenajisan babi masih kekal dalam produk China bone dan sifat najis tersebut tidak akan hilang kerana proses istihalah dianggap tidak berlaku. Muzakarah juga berpandangan sekiranya penggunaan produk China bone yang berdasarkan abu tulang haiwan yang tidak halal mengikut syarak ini diharuskan, ia akan membuka ruang kepada penggunaan produk-produk bersumberkan haiwan tidak halal mengikut syarak berleluasa.</p> <p>Muzakarah juga berpandangan peralatan atau perhiasan bone china tidak mencapai tahap keperluan (darurah) kepada masyarakat untuk memiliki dan menggunakan. Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan penggunaan bahan peralatan atau perhiasan yang dihasilkan daripada abu tulang haiwan (bone china) tidak halal mengikut syarak, termasuk haiwan yang halal dimakan tetapi tidak disembelih mengikut hukum syarak.</p>

Merujuk Jadual 1, terdapat sembilan pandangan hukum dan fatwa berkaitan isu halal telah dipilih. Pandangan hukum yang pertama berkaitan makanan terubahsuai genetik. Berdasarkan kepada pandangan hukum, diputuskan bahawa dalam penghasilan makanan terubahsuai genetik, penggunaan bahan-bahan yang diharamkan dan memudaratkan manusia serta alam sekitar adalah dilarang. Manakala penggunaan haiwan ternakan yang halal dibolehkan sekiranya haiwan tersebut disembelih mengikut kaedah syarak.

Dalam penetapan hukum, perkara pertama yang dilihat ialah dalil-dalil yang dibincangkan dalam ilmu usul fiqh. Dalam penetapan makanan halal, hukum memakan sesuatu adalah harus selagi mana tidak ada dalil yang menegah dan tidak memudarat. Dalil-dalil tersebut sama ada ia berbentuk nas maupun dalil-dalil lain seperti ijma', qias dan lain-lain.

Keluasan ini. Ini berdasarkan kepada umum maksud firman Allah yang menjelaskan segala yang ada di muka bumi adalah untuk manfaat manusia sebagaimana ayat 29, surah al-Baqarah:

هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَا فِي الْأَرْضِ جَبِيعًا ثُمَّ اسْتَوَى إِلَى السَّمَاءِ فَسَوَّهُ هُنَّ سَبَعُ سَمَاوَاتٍ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

*Maksudnya: Dialah (Allah) yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi, kemudian Dia menuju dengan kehendakNya ke arah (bahan-bahan) langit, lalu dijadikannya tujuh langit dengan sempurna dan Dia Maha Mengetahui akan tiap sesuatu.*

Dari sudut penggunaan kaedah fiqh pula, terdapat kaedah yang dirumuskan bagi membantu memudahkan penetapan hukum berkaitan perkara ini seperti kaedah *al-asl fi al-ashya' al ibahah* (al-Suyuti, 1998) yang bermaksud asal sesuatu adalah harus dan kaedah *al-asl fi al- asl fi al-manaft' al-idhn, wa fi al-madarr al-man'* (al-Zarkashi, 1992) yang bermaksud asal pada sesuatu yang memberi manfaat keizinan dan sesuatu yang mudarat tegahan. Dari sudut maqasid syariah pula, perkara haram mendatangkan mudarat, manakala perkara halal mendatangkan manfaat.

Berkaitan makanan yang terhasil daripada teknologi terubahsuai genetik ini, asal hukumnya adalah harus berpandukan panduan penetapan daripada usul fiqh, diperkuuhkan oleh kaedah fiqh dengan matlamat (maqasid) mendatangkan kebaikan kepada manusia. Sekiranya ia terhasil daripada sesuatu yang haram, maka hukumnya juga haram. Sesuatu yang asalnya harus, sekiranya mendatangkan mudarat juga boleh jatuh kepada hukum haram kerana penggunaannya tidak menepati maqasid syariah iaitu mendatangkan kebaikan khsusnya kepada penjagaan nyawa.

Bagi pandangan hukum bilangan 2 dan 3 pula, ia berkaitan penggunaan teknologi *stunning* dalam sembelihan. Secara asas, apa-apa sahaja penggunaan teknologi bagi membantu memudahkan urusan manusia adalah harus berdasarkan kepada dalil *maslahah* selagimana ia tidak bercanggah dengan nas atau dalil-dalil seperti *ijma'* dan *qiyyas*. Sembelihan dikira sah jika menepati segala rukun dan syarat. Antaranya ialah binatang tersebut hendak hidup pada kadar *hayah mustaqirrah* ketika sembelihan. Hukum ini berpandukan kepada pelbagai dalil yang dibincangkan dalam usul fiqh khususnya dalil al-Quran dan hadis. *Stunning* pula ialah satu kaedah memengsankan binatang sembelihan sebelum di disembelih dengan menggunakan alat-alat tertentu. Dalam penggunaan pelbagai bentuk *stunning*, sembelihan tetap kekal sah selagimana binatang itu masih hidup. Dari sudut kaedah fiqh, penggunaan teknologi masih bersesuaian dengan kaedah *al-asl fi al-ashya' al ibahah*. Walaupun begitu, kerana terdapatnya kemungkinan proses *stunning* tersebut membawa kepada kematian atau penyeksaan kepada binatang dan sekaligus kemudaratan kepada agama, nyawa dan harta maka ditetapkan peraturan-peraturan tertentu bagi menjamin proses sembelihan diyakini halal. Dari sudut maqasid syariah penetapan yang dibuat dapat memenuhi matlamat pensyariatan iaitu mendatangkan kebaikan dan menolak kemudaratian.

Pandangan hukum bilangan 4 menjelaskan hukum berkaitan pewarna (*cochineal*) yang diproses daripada binatang mirip seperti kumbang. Kumbang biasa termasuk dalam kalangan binatang yang tidak boleh dimakan kerana termasuk dalam kategori serangga. Dalam mazhab Sayafie, serangga tidak halal dimakan berpandukan dalil uruf yang dibincangkan dalam ilmu Usul Fiqh. Walau bagaimanapun, pandangan hukum di atas menetapkan harus menggunakanannya berdasarkan kepada tiada tegahan yang jelas berkaitan binatang ini di samping terdapat pandangan dalam mazhab Maliki yang tidak mengharamkan penggunaan binatang dari kategori ini. Penetapan ini menepati dalil *istishab* yang dibincangkan dalam ilmu Usul Fiqh. Pada masa sama terdapat manfaat penggunaannya serta tidak mendatangkan mudarat sekiranya diambil pada sukatam dibenarkan menepati kaedah fiqh *al-asl fi al- asl fi al-manaft' al-idhn, wa fi al-madarr al-man'*. Dari sudut maqasid syariah, keharusan penggunaannya menepati salah satu perkara yang dititik beratkan oleh syarak iaitu memudahkan dan menghilangkan kepayahan kerana terdapat keperluan manusia untuk menggunakanannya dan dalam masa yang sama kajian mendapat ia bermanfaat dan tiada tegahan yang jelas dalam penggunaannya. Ini menunjukkan pandangan hukum dan fatwa di Malaysia terbuka dan tidak ketat sebagaimana terdapat dakwaan sedemikian. Walaupun begitu, penetapannya mestilah selari dengan kaedah dalam ilmu Usul Fiqh, Qawaed Fiqh dan Maqasid Syariah.

Pandangan hukum 5,6,7 dan 8 pula berkaitan penggunaan vaksin. Penetapannya juga melalui rujukan terhadap pelbagai dalil dalam ilmu usul fiqh seperti al Quran dan hadis tentang sesuatu yang halal dan yang haram. Kaedah fiqh seperti *al-asl fi al-ashya' al ibahah* turut digunakan di samping matlamat penjagaan agama dan nyawa cukup jelas dalam pandangan hukum dan fatwa yang di tetapkan. Sesuatu yang halal kekal halal dan sesuatu yang haram kekal haram kecuali dalam keadaan darurah. Ia dibenarkan kerana penjagaan nyawa sangat dijaga oleh agama. Begitu juga dengan pandangan hukum 9 yang menjelaskan tentang kedudukan bone china yang kekal haram dan tidak menerima istihalah. Di samping penetapannya berpandukan dalil-dalil dalam ilmu Usul Fiqh seperti al-Quran, hadis dan istishab, terdapat juga kaedah fiqh yang dirumus yang membantu memudahkan penetapan hukum seperti *al-asl baqa' ma kana 'ala ma kana* (al-Suyuti, 1998) yang bermaksud asal sesuatau itu kekal mengikut keadaan asalnya. Dari sudut maqasid syariah, ia adalah untuk menjaga agama sebagaimana siahah pandangan hukum yang telah menjelaskan sekiranya diharuskan "ia akan membuka ruang kepada penggunaan produk-produk bersumberkan haiwan yang tidak halal mengikut syarak berleluasa". Sehubungan dengan itu, penggunaan pendekatan istihalah di Malaysia yang berpandukan kepada pendapat dalam mazhab Syafie ialah dengan mengambil pendekatan yang berhati-hati agar maqasid syariah penjagaan agama terpelihara.

## KESIMPULAN

Penetapan hukum syarak dibina di atas sandaran yang kukuh berpandukan dua sumber utama; al-Quran dan al-Sunnah. Hasil pemahaman serta kaedah interaksi sahabat dan tabi'in terhadap kedua-duanya dalam penetapan hukum syarak terutamanya ketika berhadapan dengan perkara-perkara baharu yang memerlukan kepada penetapan hukum telah menjadi

atas kepada pembentukan pelbagai kaedah yang dibangunkan oleh ulama pada fasa-fasa berikutnya. Bermula dengan pengenalan pelbagai kaedah usul fiqh, diikuti dengan perbincangan maqasid syariah dan seterusnya diperkenalkan pula kaedah-kaedah fiqh, maka terbentuklah tiga kategori ilmu iaitu ilmu Usul Fiqh, Maqasid Syariah dan Qawaed Fiqhiyyah. Ketiga-tiga ilmu ini mempunyai hubungan yang sangat rapat antara satu sama lain dalam proses penetapan hukum syarak.

Ilmu Usul Fiqh merupakan asas proses penetapan hukum, manakala penguasaan terhadap ilmu Maqasid Syariah membantu ahli fekah memahami nas syarak dan aplikasinya dalam pelbagai situasi sesuai dengan matlamat pensyariatan di samping membantu memahami hikmah pensyariatan. Ilmu Qawaed Fiqhiyyah menjadi pelengkap yang mengikat hukum yang khusus dengan kaedah-kaedah *kulliyah* yang dirumus dalam bentuk frasa yang padat dan ringkas. Ia dapat membantu memudahkan proses penetapan hukum syarak. Dari sudut aplikasi dalam penetapan hukum-hukum berkaitan halal di Malaysia, jelas bahawa pandangan-pandangan hukum terpilih turut melalui proses penetapan hukum berpandukan ketiga-tiga cabang ilmu yang telah dibincangkan. Hukum-hukum yang ditetapkan juga dipastikan menepati segala kaedah-kaedah dalam ilmu Usul Fiqh dengan dipermudahkan penetapannya menggunakan kaedah fiqh dan mencapai matlamat pensyariatan sesuatu hukum (maqasid syariah) iaitu mendatangkan kebaikan secara menyeluruh.

## PENGHARGAAN

Penyelidik merakamkan penghargaan kepada Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah atas tajaan geran penyelidikan RDU223403. Tulisan ini merupakan sebahagian daripada dapatan kajian literatur projek penyelidikan ini.

## KONFLIK KEPENTINGAN

Kajian ini tidak melibatkan kepentingan mana-mana pihak dan tiada kepentingan peribadi dan apa-apa bentuk manfaat antara penulis dengan mana-mana pihak untuk menghasilkan kajian ini.

## SUMBANGAN PENULIS

Ismail Hasanuddin - pengumpulan data dan penulisan draf pertama.

Tuan Sidek T.M. - penambahan isi kandungan dan memuktamadkan draf.

## RUJUKAN

- Al-Bayhaqi, Ahmad bin al-Husain. (2003). *Al-Jami' li Shu'ab al-Iman*. Riyad, Maktabah al-Rushd.
- Al-Borno, Muhammad Sidqi. (2003). *Mausu'ah al-Qawaed al-Fiqhiyyah*. Beirut, Muassasah al-Risalah
- Al-Farahidi, al-Khalil bin Ahmad. (2010). *Kitab al-'Ain*. Mesir, Dar al-Maktabah al-Hilal.
- Hammad, Nazih. (2004). *Al-Mawad al-Muharramah wa al-Najasah fi al-Ghidha' wa al-Dawa'*. Damsyik: Dar al-Qalam,
- Ibn 'Ashur, Muhammad al-Tahir. (2011). *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah*. 'Amman, Dar al-Nafa'is.
- Ibn Qayyim al-Jauziyyah. (2002). *I'lām al-Muwaqqi'iñ 'an Rabb al-'Alamin*. Arab Saudi, Dar Ibn al-Jauzi.
- Al-Khadimi, Nur al-Din Mukhtar. (2003). *Al-Maqasid al-Shari'iyah Ta'rifuha Amthalatuha Hujiyatuha*. Riyad: Kunuz Eshbelia
- Khalaf, 'Abd al-Wahab. (1986). *Ilmu Usul al-Fiqh*. Kuwait, Dar al-Qalam
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2015). *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid. (2015). *Maqasid Syariah Sebagai Pendekatan Bagi Realisasi Ajaran Islam di Malaysia: Satu Prospek*. Kuala Lumpur, International Institute of Advance Islamic Studies (IAIS).
- Al-Marbawi, Muhammad Idris Abd al-Rauf. (1998). *Kamus Idris al-Marbawi*. Kuala Lumpur, Darul Nu'man
- Muhammad Bakar Ismail. (1997). *Al-Qawaed al-Fiqhiyyah Baina al-Asolah wa al-Taujih*. Mesir, Dar al-Manar
- Al-Nadwi, 'Ali Ahmad. (1998). *Al-Qawaed al-Fiqhiyyah*. Damsyik, Dar al-Qalam.
- Nur Hasan. (2020). Relationship of Maqasid al-Shari'ah with Usul al-Fiqh (Overview of Historical, Methodological and Applicative Aspects). *Ulul Albab, Jurnal Studi dan Penelitian Hukum Islam*, Vol. 3, No. 2.
- Al-Qarafi, Ahmad bin Idris. (2010). *Al-Furuq*. Arab Saudi, Kementerian Wakaf Arab Saudi.
- Raysuni, Ahmad. (2011). *Nazariyyah al-Maqasid 'ind al-Imam al-Shatibi*. Maghribi, Maktabah al-Hidayah
- Ridzwan Ahmad. (t.th.). *Pengantar Shariah*. Kuala Lumpur, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Saadan Man. (2017). *Fiqh Semasa : Konsep dan Aplikasinya*. Kuala Lumpur, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Al-Salman, Khalid bin 'Abd al-'Aziz. (2015). *Hukm al-Istidlal bi al-Maqasid al-Shari'ah*. Arab Saudi, King Faisal University.
- Al-Shatibi, Ibrahim bin Musa. (2011). *Al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah*. Kaherah, Dar al-Ghad al-Jadid.

- “Soalan Lazim, Apakah Keutamaan Jika Terdapat Perbezaan antara Fatwa Kebangsaan dan Negeri?”, Jabatan Mufti Negeri Selangor, dicapai pada 20 November 2023, <https://www.muftiselangor.gov.my/soalan-lazim/>
- Sokon Saragih. (2020). Masa Perkembangan dan Pembukuan Qawaed Fiqhiyyah. *Jurnal Tazkiya*, Vol. ix, No. 1. Universiti Islam Negeri Sumatera Utara Medan.
- Al-Suyuti, ‘Abd al-Rahman bin Abu Bakr. (1998). *Al-Ashbah wa al-Naza’ir*. Beirut, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Tuan Sidek Tuan Muda. (2021). Panduan Memahami Maqasid Syariah. Kuantan, Penerbit UMP.
- Zaydan, ‘Abd al-Karim. (2004). *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Beirut, Mu’assasah al-Risalah.
- Al-Zarqa’, Ahmad Muhammad. (2001). *Syarh al-Qawaed al-fiqhiyyah*. Damsyik, Dar al-Qalam.